

MINIT MESYUARAT
MESYUARAT PANITIA MATEMATIK

Bil Mesyuarat	: 2	Tahun: 2021
Tarikh	: 11 Ogos 2021 (Rabu)	
Masa	: 2.30 petang – 4.40 petang	
Tempat	: <i>Google Meet</i> (Kediaman masing-masing)	

Hadir

1. Ketua Panitia Matematik - Pengerusi
(Pn. Suzeta binti Mat)
2. Ahli Panitia Matematik
En. Mohd Azmi Bin Shapie - Setiausaha
En. Sayed M. Nuzaihan Bin Sayed M. Noor
En. Suhaizi Bin Shukri
Pn. Maznah Binti Ramli
Pn. Solehah Binti Shuib
Pn. Izan Azuani Binti Jaafar
Cik Alia Armiza Bt Razif

Turut Hadir: En. Ahmad Sufian Bin Abdul Rahman – Guru Besar SK Kelibang

I. PERUTUSAN Pengerusi

1. Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli panitia Matematik ke mesyuarat panitia kali pertama bagi sesi awal pembukaan sekolah tahun 2021.
2. Pengerusi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua guru Matematik kerana telah berjaya melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian sepanjang pelaksanaan PKP.

Tindakan: Makluman

II. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

3. Minit Mesyuarat Panitia Matematik Bil 1/2021 pada 7 MAC 2021 disahkan tanpa pindaan oleh En. Suhaizi Bin Shukri dan disokong oleh En. Sayed M. Nuzaihan Bin Sayed M. Noor.

III. PERKARA BERBANGKIT

4. Kertas kerja bagi Program Matematik Congak Sifir telah dihantar. Tindakan seterusnya untuk pelaksanaan program akan dimaklumkan kelak.

Tindakan: Makluman

5. Aktiviti Panitia Matematik Menghias Sudut Matematik sudah berjalan dan ruangan sudut tersebut telah diwujudkan. Tindakan seterusnya untuk menghias sudut akan dimaklumkan kelak.

Tindakan: Makluman

6. Aktiviti Panitia Matematik Bengkel Menjawab Kertas 2 ditangguhkan buat sementara waktu kerana PKP dan akan diteruskan apabila sekolah dibuka kelak.

Tindakan: Makluman

7. Aktiviti Panitia Matematik Kuiz Bulanan sedang dijalankan. Link bagi kuiz tersebut akan diberikan di *Group Whatsapp* Panitia Matematik

Tindakan: Makluman

8. Kertas kerja Matematik Mind Booster telah dihantar dan tindakan susulan akan dimaklumkan kemudian.

Tindakan: Makluman

9. Jadual penggubal soalan bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun 2021, Ujian Bulan Julai 2021 dan Peperiksaan Akhir Tahun 2021 akan ditambahbaik memandangkan PKP. Tindakan susulan selepas ini akan dimaklumkan kemudian.

Tindakan: Makluman

IV. PELAPORAN PBD DAN PILL (PELAN INTERVENSI LIMA LANGKAH)

10. Dimulakan dengan tahap 1 mengikut kelas dan tahap 2 mengikut kelas
 - 10.1. Tahun 1 hingga tahun 3
 - 10.1.1. Bimbingan membaca angka dalam perkataan secara berfokus berpusatkan murid.
 - 10.1.2. Latih tubi tambah tolak, membundar nombor kepada puluh terdekat dan latih tubi melengkapkan pola nombor secara berfokus. Medium: Whatsapp personal atau Telegram
 - 10.1.3. Menggunakan modul yang mengandungi kemahiran mengenal nombor.
 - 10.1.4. Menyelitkan soalan melibatkan fakta asas matematik dalam tajuk yang akan datang seperti tajuk Wang, Masa dan Waktu, Panjang, Jisim dan Isipadu cecair. (5 latihan)
 - 10.1.5. Dialog bersama waris atau sesi kaunseling. Selain daripada itu, guru juga boleh memainkan peranan dengan mengingatkan murid yang belum menghantar tugas dan diberi masa 3 hari.

- 10.1.6. Semasa latihan, guru akan mengajar individu dan murid yang telah menguasai bantu guru membimbing murid TP 1
- 10.1.7. Guru menggunakan teknik mengeluarkan kata kunci dalam soalan.
- 10.1.8. Hafalan sifir darab berpandukan kad mini fakta asas.
- 10.1.9. Menanam minat murid dengan memberikan latihan dalam bentuk interaktif dan lebih menarik seperti Quizizz, Wordwall dan lain-lain.

**Tindakan: Pn. Alia,
Pn. Maznah, Pn. Izan,
Pn. Suzeta, Pn.
Solehah**

10.2. Tahun 4 hingga tahun 6

- 10.2.1. Guru perbanyakkan latihan berkenaan fakta asas mudah. Ulang sehingga murid kuasai kemahiran tersebut.
- 10.2.2. Guru berikan nota kata kunci berkenaan sesuatu operasi supaya murid mudah untuk kenalpasti jalan penyelesaian
- 10.2.3. Memperbanyakkan latihan soalan penyelesaian masalah.
- 10.2.4. Guru tetapkan latihan mesti siapkan di sekolah seberapa yang boleh dan mohon bantuan ibu bapa untuk pantau (Guru hantar kerja di *group whatsapp* kelas)
- 10.2.5. Memberi dorongan minda dan emosi lebih lagi kepada murid-murid tersebut semasa pdpc.
- 10.2.6. Perbanyakkan latihan tolak mengumpul semula, darab dan bahagi termasuk melibatkan unit ukuran wang, masa dan waktu, panjang, jisim dan isi padu cecair secara lisan dan bertulis. Sekurang-kurang 30 soalan.

**Tindakan: Pn. Suzeta,
En. Suhaizi, En. Azmi**

11. PINTAS

11.1. Kemenjadian murid

11.1.1. Program yang dijalankan

11.1.1.1. Aktiviti Panitia Matematik Congak sifir

**Tindakan: Pn. Izan
dan Pn. Maznah**

11.1.1.2. Aktiviti Panitia Matematik Menghias Sudut Matematik

**Tindakan: Pn.
Solehah dan Pn. Alia**

11.1.1.3. Aktiviti Panitia Matematik Bengkel Menjawab Kertas 2

Tindakan: Pn. Suzeta

11.1.1.4. Aktiviti Panitia Matematik Kuiz Bulanan

Tindakan: En. Azmi

11.1.1.5. Aktiviti Panitia Matematik Mind Booster

**Tindakan: En. Sayed
M. Nuzaihan dan En.
Suhaizi**

11.2. Kualiti guru

11.2.1. Pempugaran PBD dalam kalangan guru

11.2.1.1. Sudah dilaksanakan.

Tindakan: Makluman

11.2.1.2. Pemantauan Guru Std.4

11.2.1.2.1. Belum dilaksanakan

**Tindakan: Ketua
Panitia**

11.2.1.3. LDP

11.2.1.3.1. Belum dilaksanakan kerana penutupan sekolah (MCO) dan dijangka akan diteruskan selepas sekolah dibenarkan beroperasi.

11.2.1.4. Bengkel Pembinaan Instrumen

11.2.1.4.1. Sudah dilaksanakan pada 28 April 2021 bertempat di ACM SK Kelibang.

Tindakan: Makluman

12. KEWANGAN PANITIA

12.1. Baki wang yang tinggal ialah RM 1211.60 bagi Panitia Matematik tahun 2021.

AKAUN SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2021

KOD DAN NAMA SEKOLAH

JENIS KUMPULAN WANG

PERUNTUKAN

BUTIRAN

: KBE6005 - SK KELIBANG

: Kumpulan Wang Kerajaan

: Teras

: Matematik

DKS 007

Tarikh	Perihal	No. Baucar / No. Resit	Terimaan	Jumlah Terimaan Sehingga Tarikh	Bayaran	Jumlah Bayaran Sehingga Tarikh	Baki
			RM	RM	RM	RM	RM
01/01/2021	Baki Bawa ke Bawah (b/b)						1,211.60
15/03/2021	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH	KK000148	800.10	2,011.70			2,011.70
22/04/2021	BIG SEVEN ENTERPRISE	KWK0009/21		2,011.70	19.00	19.00	1,992.70
30/05/2021	BIG SEVEN ENTERPRISE	KWK0037/21		2,011.70	209.42	228.42	1,783.28
29/07/2021	BIG SEVEN ENTERPRISE	KWK0042/21		2,011.70	259.76	488.18	1,523.52

12.2. Guru-guru perlu mengisi nota minta untuk membuat sebarang pembelian.

12.3. Perbelanjaan lain akan menyusul bergantung pada program yang dijalankan.

Tindakan: Makluman

13. HAL-HAL LAIN

14. Pelaporan PdPR bagi majoriti murid subjek matematik agak kurang memberangsangkan.
15. PBD tidak dilaksanakan semasa tempoh PdPR kerana kebanyakan murid tidak respon.
16. Pelaporan PdPR hanya isi murid yang mengikuti PdPR. Tidak semestinya murid yang respon.
17. Guru-guru lain boleh rujuk Ketua Panitia untuk tambah baik atau kemaskini laman sesawang Panitia Matematik melalui google drive Panitia Matematik.
(<https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/panitia-matematik-skk/utama?authuser=1>).

Tindakan: Makluman

18. PENUTUP

19. Terima kasih kepada semua ahli mesyuarat. Semua keputusan yang dibuat perlu ada tindakan selanjutnya. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.40 petang.

Tindakan: Makluman

Disediakan oleh Setiausaha Mesyuarat Panitia Matematik Bil 2/2021 pada 11 Ogos 2021.